



---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau  
Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





## Ketukan Pintu Syurga Dari Pendosa

5 Mei 2023M/ 14 Syawal 1444H

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ غَافِرِ الذَّنْبِ، وَقَابِلِ التَّوْبِ، شَدِيدِ الْعِقَابِ، ذِي الطَّوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
إِلَيْهِ الْمَصِيرُ، أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَأَشْكُرُهُ عَلَى عِظَائِهِ الْكَثِيرِ، وَأَسْتَغْفِرُهُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ  
مِنَ الْخَطَا وَالْتَّفَصِيرِ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمُطَّلِعُ عَلَى مَكْنُونِ الضَّمِيرِ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْهَادِي الْبَشِيرِ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، أَهْلِ الْجِدِّ  
وَالْتَّشْمِيرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ- تَعَالَى- وَأَطِيعُوهُ فَقَدْ فَازَ مَنْ اتَّقَاهُ.

### SIDANG MUKMININ RAHIMAKUMULLAH,

Mimbar tidak akan pernah jemu untuk mengajak dan menyeru  
sekalian umat Islam untuk sama-sama meningkatkan indeks takwa ke  
hadrat Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan istiqamah dalam ketaatan menunaikan  
segala titah perintah-Nya serta bermujahadah meninggalkan segala  
tegahan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, marilah kita memberikan sepenuh  
tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Jangan berbual-bual,  
tidur dengan sengaja, bermain telefon bimbit dan menggerakkan tabung



kutipan Jumaat kerana ia bertentangan dengan sunnah serta adab. Mimbar pada minggu ini ingin mengangkat tajuk “**Ketukan Pintu Syurga Dari Pendosa**” untuk kita tadabbur, insya Allah.

## **SIDANG MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Antara misi dan visi pengutusan para Rasul ialah menghebahkan tentang keindahan syurga hingga kita terpesona dengannya. Para Rasul dan alim ulama’ kita juga telah cuba menunjukkan jalan ke syurga. Namun saat jalan ke syurga sudah terbentang lurus, barangkali ada dosa yang mengganggu laluan hingga langkah menjadi hampir terputus.

Hiasan dunia yang menarik nafsu keinginan manusia adalah faktor utama yang sering menghalang perjalanan menuju ke syurga. Hakikat ini dinyatakan dengan jelas menerusi firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Ali Imran ayat yang ke-14:

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ  
وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَبَاقِ ﴿١٤﴾

Maksudnya: “*Dihiasi indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah jualah tempat kembali yang baik (syurga).*”

Iblis dan seluruh bala tentera tidak pernah tidur. Hati manusia yang kian lalai kadangkala menjadikan episod dosa itu tercipta tanpa henti.



Fitrah manusia memang suka pada yang indah. Maka iblis menyebarkan ‘virus’nya supaya perkara maksiat kelihatan indah di mata anak Adam. Proses penawanan jiwa manusia cuba dilaksanakan mengikut perancangan yang sistematik.

## MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Benarlah sabda Baginda Rasul yang berbunyi:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فِتْنًا كَقَطْعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا أَوْ  
يُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا

Maksud: *“Bersegeralah melakukan amalan soleh sebelum datang fitnah (musibah) seperti potongan malam yang gelap, iaitu seseorang pada waktu pagi dalam keadaan beriman dan di petang hari dalam keadaan kafir atau pada waktu petang dalam keadaan beriman dan di pagi hari dalam keadaan kafir. Ia menjual agamanya kerana sedikit dari keuntungan dunia.”*

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

Namun tiada bumi yang tidak pernah ditimpa hujan. Tiada manusia yang tidak pernah terkhilaf dengan melakukan dosa, baik secara sengaja mahupun sebaliknya. Jika dosa kita umpama pensel, taubat itulah pemadamnya. Andai khilaf kita ialah racun, air mata itulah penawarnya.

Ibnu Qayyim Al-Jauziah رَحِمَهُ اللهُ berkata:

***“Allah lebih mencintai tangisan taubat seorang pendosa daripada lantunan tasbih orang soleh yang sombong”***



## HADIRIN SEKALIAN,

Jika jasad kita terluka, pasti ia terzahir pada pandangan mata kasar. Ubat dan kapas menjadi penutup luka. Namun andai batin atau ruh kita tercedera, apakah ubat dan penawar yang paling mujarab untuk dirawat? Jawapannya tiada penawar yang terindah selain dari taubat *nasuha* sebelum ajal menjelang tiba. Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**:

﴿ وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴾ ١١٠

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiayai dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat) kemudian ia memohon ampun kepada Allah, nescaya ia akan mendapati Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

﴿ Surah An-Nisa’: Ayat 110 ﴾

Ayat ini adalah *targhib* atau satu ‘booster’ yang menyuntik motivasi kepada seorang hamba yang pernah terkurung dalam penjara dosa. Andai kita lemah dan lelah dibebani timbunan dosa, maka bangunlah kembali untuk membersihkan diri dengan taubat yang ikhlas. Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda:

كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Maksudnya: “Setiap anak Adam pasti melakukan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan adalah orang yang bertaubat.”

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** menawarkan keampunan dengan sifat-Nya yang Maha Pengampun. Allah hamparkan permaidani kemaafan atas segala ketelanjuran para hamba-Nya.

Ramai dalam kalangan kita yang sedia maklum bahawa Amirul Mukminin Sayyidina Umar Ibnu Al-Khattab memiliki *'track record'* tersendiri. Sejarah jahiliyahnya terkenal dalam kalangan Quraisy ketika itu. Malah beliau pernah berazam untuk memenggal kepala manusia ulung pemilik mukjizat agung iaitu Rasulullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**.

Namun siapa sangka, saat pintu jahiliah roboh diketuk hidayah, segala-galanya berubah. Sejarah kegemilangan Islam terukir indah. Hanya bermodalkan beberapa ayat dari surah *Taha* (طه), maka langit suram bertukar menjadi cerah. Allahu Akbar! Manusia yang pernah memusuhi Nabi pada permulaan hidupnya bertukar menjadi insan bertuah di penghujung hayatnya.

## **SAUDARAKU SEKALIAN,**

Ada apa dengan air mata? Ketika anggota badan kita terluka, kadang-kadang menitis jua air mata kerana tidak tahan dengan sakit. Itulah cara kita menzahirkan sebuah rasa.

Begitulah cara Allah mendidik kita. Secara fitrahnya, manusia akan mencari sesuatu ketika dirinya dihimpit kesusahan. Setiap kali kita

melakukan dosa, hati kecil akan mengutuknya. Dari situ, tercetuslah rasa resah gelisah.

Lantas kita mencari siapa sebenarnya untuk diluahkan rasa bersalah? Ibu? Ayah? Saudara? Media sosial? Jawabannya adalah air mata taubat *nasuha*. Mengadulah pada yang Maha Esa. Bermunajatlah sebagai seorang hamba yang menginsafi ketelanjurannya.

**“ Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi Rahmat kepada kami, nescaya pastilah kami termasuk dalam kalangan orang-orang yang rugi.”** ﴿Maksud Surah Al-A'raf ayat 23﴾

Di dalam kitab *Al-Bidayah wan Nihayah*, Ibnu Kathir رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ pernah menceritakan kisah Nabi Allah Adam عَلَيْهِ السَّلَامُ ketika melakukan khilaf di syurga, Baginda sujud selama seratus tahun serta menangis selama 300 tahun hanya kerana satu dosa.

Bagaimana pula dengan kita? Apakah pernah bersujud dan bertaubat kerana ratusan atau mungkin ribuan dosa?

## **SIDANG JUMAAT SEKALIAN,**

Sebagai kesimpulan daripada khutbah minggu ini:

**Pertama:** Dosa itu umpama virus yang boleh melumpuhkan sistem imunisasi iman dan takwa. Dosa juga boleh mematikan rasa bersalah bila melakukan sesuatu yang tidak wajar. Maka, padamlah ia dengan taubat *nasuha*.

**Kedua:** Ayuh sama-sama kita bermujahadah untuk memutuskan rantaian dosa sebelum terlambat.

**Ketiga:** Luruskan hatimu nescaya akan luruslah jalan hidupmu.

**Keempat:** Sebaik-baik pendosa ialah mereka yang boleh menitikkan air mata kerana takutkan Allah.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Al-Fajr ayat 27 hingga 30:

يَا أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾  
وَادْخُلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “(Setelah menerangkan akibat orang-orang yang tidak menghiraukan akhirat, Tuhan menyatakan bahawa orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan disambut dengan kata-kata): “Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuasa hati (dengan segala nikmat yang diberikan), lagi diredhai (di sisi Tuhanmu). Serta masuklah dalam kumpulan hamba-hamba-Ku yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam syurga-Ku.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ  
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



# خطبة كدوا بولن مي

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿٥٦﴾ [الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا.

اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni



Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta,*



memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾